

Tengku Razaleigh buat
pengumuman Jumaat ini

Putusan untuk sertai kabinet

KUALA LUMPUR, Selasa — Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah dijangka membuat pengumuman penting keputusan muktamadnya mengenai penyertaan beliau dalam Kerajaan, sewaktu melawat Kelantan, Jumaat ini.

Tengku Razaleigh difahamkan menemui Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad petang semalam bagi membincangkan kedudukan beliau dalam kabinet baru nanti.

Menurut sumber-sumber yang boleh dipercayai, kedua pemimpin itu dijangka berunding lagi, kerana perbincangan semalam berakhir tanpa mencapai keputusan yang kongkrit.

Tengku Razaleigh berulang kali menegaskan pendiriannya untuk mengundur diri dari Kerajaan jika beliau tidak terpilih dalam pertandingan jawatan Timbalan Presiden UMNO, di Perhimpunan Agung parti itu, 26 Jun lalu.

Berikrar

Bellau dikalahkan oleh Datuk Musa Hitam dengan kelebihan 205 undi. Dengan itu Tengku Razaleigh tidak lagi menjadi anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh berikrar untuk terus berkhidmat kepada UMNO dan Negara.

Bekas Residen UMNO, Datuk Hussein Onn dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad merayu agar Tengku Razaleigh terus kekal dalam MT dan Kerajaan.

Sebahagian besar pemimpin UMNO dan lain-lain pemimpin parti politik berpendapat, kemungkinan besar Tengku Razaleigh tidak akan menyertai Kerajaan memandangkan beliau seorang tokoh yang bersikap tegas kepada prinsip hidupnya.

Sementara itu, Datuk Seri Dr. Mahathir, Presiden baru UMNO akan mengambilalih jawatan sebagai Perdana Menteri dari Datuk Hussein Onn, 18 Julai ini.

Pada hari tersebut beliau akan mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri baru di depan Yang di-Pertuan Agong, di Istana Negara.

Bellau dijangka mengumumkan penyusunan kabinetnya pada 18 Julai.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

